

09 DEC 2000

Pindah-ugut

PENGHUNI KUARTERS KERAJAAN MEDAN RAHANG DIUGUT

SEREMBAN, 9 Dis (Bernama) -- Kira-kira 40 keluarga yang masih menghuni kuarters kerajaan di Medan Rahang di sini -- kawasan yang sedang dimajukan untuk projek perumahan -- mendakwa beberapa orang mengugut mereka hari ini dengan menggunakan besi pengumpul untuk memaksa mereka berpindah.

Selain diugut dengan besi pengumpul, tiga lelaki yang mengugut para penghuni itu juga memecahkan beberapa dinding rumah kuarters di situ.

Ketua Umno Bahagian Seremban Datuk Ishak Ismail berkata beliau, yang tiba di tempat itu kira-kira 10.30 pagi, mendapati terdapat tiga lelaki itu sedang mengacah besi pengumpul kepada beberapa wanita di situ.

"Beberapa dinding rumah kuarters di situ telah dipecahkan," katanya ketika dihubungi di sini.

Ishak, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Lenggeng, berkata tindakan pantas polis dapat mengelak kejadian buruk daripada berlaku.

Katanya beliau telah membuat laporan polis di Balai Polis Rahang berhubung kekecohan yang berlaku di Medan Rahang itu.

Pada 3 Nov lepas, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad meminta mereka yang masih menghuni kuarters kerajaan itu supaya segera berpindah kerana kawasan itu akan dimajukan dengan pembinaan rumah kedai dan kediaman serta ibu pejabat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Ia merupakan projek usahasama antara Mawar Delima (M) Sdn Bhd dan MAINS.

Mohamed Isa berkata notis mengarahkan mereka berpindah dikeluarkan pada 1997 dan yang terbaru ialah pada September lepas. Beliau berkata kuarters kerajaan itu kini bukan lagi milik kerajaan tetapi milik bersama Mawar Delima dan MAINS.

Sebanyak 100 unit rumah teres dua tingkat, 22 unit rumah berkembar dua tingkat, tiga unit rumah banglo dua tingkat, 17 unit rumah kedai serta kompleks pejabat MAINS akan dibina di situ membabitkan kawasan 6.8 hektar dan kos pembangunan RM31.7 juta.

Ishak berkata beliau telah menulis surat kepada Mohamed Isa dan semua anggota majlis MAINS dengan mengemukakan cadangan supaya penghuni kuarters dibenar tinggal di situ sehingga 15 Jan depan memandangkan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan sesi persekolahan yang menjelang tiba.

Beliau juga mencadangkan para penghuni berkenaan diberi sumbangan RM6,200 bagi kos pengangkutan perpindahan dan kos gangguan.

Katanya pihak yang berkenaan perlu mengambil kira latar belakang penghuni kuarters itu, yang sebahagian besarnya merupakan kakitangan kerajaan yang berpendapatan di bawah RM1,200 sebulan dan mempunyai anak-anak yang bersekolah.

Katanya salinan surat itu akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku timbalan presiden Umno.

-- BERNAMA

AZ NAK